

LOGO
DAN
NAMA
SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan amalan membaca dan sebab-sebab rakyat kurang membaca**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Membaca merupakan aktiviti yang amat berfaedah. Walau bagaimanapun, ramai orang membaca buku hanya untuk mengisi masa lapang. Sebenarnya, amalan membaca amat penting bagi kita semua kerana dengan membaca akan dapat melahirkan generasi yang berfikiran kritis dan matang. Kita mestilah memupuk budaya membaca kepada kanak-kanak dan remaja zaman sekarang. Budaya membaca bukan sahaja dapat membina generasi yang kritis malah pembudayaan amalan itu akan dapat mempercepat usaha untuk membentuk negara kita agar lebih maju dan pesat membangun seperti negara Jepun dan Korea Selatan. Hasil daripada membaca sesuatu makalah mampu memberikan pengalaman yang baru yang dapat diaplikasikan dalam urusan harian yang tertentu.

Untuk memenuhi hasrat mewujudkan masyarakat yang gemar membaca, banyak perpustakaan awam dibina. Selain itu, kerajaan mengisytiharkan bulan Julai sebagai Bulan Membaca peringkat kebangsaan. Tindakan ini selaras dengan saranan Perdana Menteri kita yang mahukan rakyat membaca supaya kita dapat melahirkan masyarakat yang serba tahu. Di samping itu, amalan membaca membolehkan kita membuat refleksi tentang kelemahan diri kita sendiri kerana kita akan dapat memahami perkara-perkara yang tidak diketahui selama ini! Pengetahuan am sama ada isu semasa ataupun sejarah dapat menaikkan motivasi diri sehingga mewujudkan daya saing yang sihat.

Menurut Frank Tibolt, penulis buku *Sentuhan Kejayaan*, dengan membaca kita dapat berubah menjadi manusia yang lengkap. Kata-kata Mohd. Atiq, pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2003 bahawa membaca itu keperluan hidup jelas membuktikan bahawa budaya membaca mesti diamalkan setiap masa. Dalam hal ini, galakan yang diberikan kepada pihak sekolah untuk menubuhkan kelab bacaan patut dipuji. Usaha mengadakan majlis pelancaran buku baru juga merupakan pendekatan proaktif yang boleh mendorong lebih ramai anggota masyarakat untuk mencintai buku.

Sebenarnya, masyarakat negara ini belum boleh dianggap sebagai masyarakat pembaca. Kita perlu *melakukan anjakan paradigma* seiring dengan kemajuan dunia pada hari ini. Jika ada usaha bersungguh-sungguh ke arah itu, mungkin pada suatu hari nanti kita pun akan berubah dan menjadi seperti masyarakat Barat dan Asia Timur yang memperoleh keseronokan daripada membaca. Kita harus terus membaca kerana jika kita sentiasa menangguhkan tindakan, akhirnya kita tidak akan dapat menghabiskan walau sebuah buku pun dalam setahun. Kita berharap juga agar masyarakat tidak terlalu cenderung untuk membeli majalah hiburan dan cerita fiksiyen semata-mata supaya kita dapat membebaskan diri daripada belunggu bahan picisan seumpamanya. Eloklah kita cuba meninjau bahan bacaan lain yang banyak mengandungi maklumat yang dapat dimanfaatkan.

(Diubahsuaikan daripada *Minat Membaca Makin Kurang* oleh Razak Rashid Ghows, Berita Harian, 31 Mac 2007)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) — Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melakukan anjakan paradigma*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan usaha-usaha yang diambil untuk memupuk minat membaca. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah ibu bapa dapat menyemai minat membaca dalam diri anak-anak? [4 markah]

Soalan 2(b) — Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SRISEGALA : Baiklah orang buta! Katakan saja kalau benar Masayumu di sini, datangnya tidak pernah kujemput. Dan tidak pula aku menyuruh ia pergi. Kau bertanyalah pada hatinya sendiri.

PUTRA : Masayu! Akulah suamimu. Pulanglah ke rumah kita.

SRISEGALA : (*Bengis atau bosan*) Masayu! Katakan sendiri pada si buta ini. Apakah benar cintamu padanya sepanas matahari atau se segar embun pagi?

PUTRA : Katakanlah Masayu! Aku telah sedia tahu hatimu. Sudah sekian lama kita bersama. Kau yang selama ini meniupkan api semangat membara di dadaku, supaya aku bangkit dan memulakan perjuangan meruntuhkan sebuah gunung. Katakanlah di hadapan manusia yang ramai itu. Biar mereka menjadi saksi. Betapa besarnya cinta kasihmu padaku.

Masayu bangun perlahan dan turun merapati Putra. Tangannya meraba wajah Putra. Kemudian wajah itu direnungnya kosong. Dia naik semula tapi masih memandangi Putra.

MASAYU : Kau siapa? Tak pernah kudengar suaramu. Tak pernah kulihat wajahmu. Aku tak kenal padamu!

PUTRA : (*Menjerit*) Masayu!

Tuta Utama memukul gong sekali. Putra sujud kaku di lantai. Muzik: Sayu menyayat hati seketika.

SRISEGALA : (*Senyum sinis*) Kau semua telah lihat sendiri. Hari ini tidak ada lagi apa yang disebut CINTA KASIH SAYANG. Kau telah lihat sendiri betapa musnahnya cinta seorang isteri terhadap suaminya, dan cinta suami pada isterinya. Semuanya musnah oleh kuasa sebuah kerusi dan bunyi gong di belakangku ini.

(Dipetik daripada drama “Kerusi”, oleh Hatta Azad Khan dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *wajah itu direnungnya kosong*? [2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor Masayu mengatakan bahawa dia tidak mengenali Putra? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai murni daripada petikan dan **tiga** nilai murni daripada keseluruhan drama. [4 markah]

Soalan 2(c) — Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sahut perempuan itu. “Nama hamba Dang Raya Rani. Hambalah pengetua Tuan Puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba ini pada tuan puteri.”

Maka Dang Raya Rani dengan keempat perempuan *sertanya itu pun lenyaplah*. Ada kadar sesaat, maka kelihatan seorang perempuan tua, bongkok belakangnya, berlipat tiga. Maka ia berkata pada Tun Mamat, “Adapun segala kata-kata tuan hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri Gunung Ledang. Akan titah tuan puteri, “Jikalau Raja Melaka hendakkan aku, perbuatkan aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang ini. Akan peminangnya, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, dan darah raja semangkuk, dan darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau boleh demikian, kabullah tuan puteri akan kehendak Raja Melaka itu.”

Setelah sudah ia berkata-kata demikian lenyaplah ia.

Maka pada suatu riwayat orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang merupakan dirinya seperti orang tua.

(Dipetik daripada *Peminangan Puteri Gunung Ledang* dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan maksud *sertanya itu pun lenyaplah*. [2 markah]
- (ii) Apakah syarat-syarat peminangan yang ditetapkan oleh Puteri Gunung Ledang kepada Raja Melaka? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, wajarkah Puteri Gunung Ledang mengenakan syarat-syarat peminangan itu kepada Raja Melaka? [3 markah]

Soalan 2(d) — Petikan Puisi

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PANTUN LAPAN KERAT

Sarang merbah di celah dahan,
Tempat punai bermain di situ,
Berkejar-kejaran anak rusa,
Tampak dari tanah seberang;
Bersyukur aku kepada Tuhan,
Kalau nasib memang begitu,
Akan merana sepanjang masa,
Harap pada kasihan orang.

Bagus rupanya bunga melur,
Putih rupanya bunga pinang,
Berukir bertangkai perak,
Permainan raja perempuan;
Cawan, cerek sudah teratur,
Pinggan, mangkuk sudah terhidang,
Penganan mulia sudah terletak,
Samalah duduk kita makan.

Korek perigi di parit seberang,
Tepi parit tumbuh mengkudu,
Berselang dengan pohon puding,
Hidup subur kanan dan kiri;
Tuan pergi dagang seorang,
Tiada saudara tempat mengadu,
Tiada saudara tempat berunding,
Pandai-pandailah membawa diri.

Antologi *Kerusi*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah maksud rangkap ketiga pantun di atas? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah adab sebagai seorang tetamu? [3 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** persoalan dalam pantun di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis dua ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) ahli
- (ii) haus
- (iii) habis

[6 markah]

(b) *Tulis semula ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.*

Kita mestilah berhati-hati. Kita memandu kenderaan di jalan raya. Kemalangan mungkin terjadi pada bila-bila masa saja. Kemalangan menyebabkan kecederaan dan kecacatan. Kemalangan menyebabkan maut. Pelbagai undang-undang digubal. Undang-undang itu bertujuan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Kesedaran rakyat terhadap keselamatan mereka ketika di jalan raya mestilah dipupuk. Sifat berwaspada sentiasa kita amalkan. Kita mungkin terselamat daripada kemalangan jalan raya. Kemalangan tersebut banyak meragut nyawa.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Dalam pasaran hari ini didapati pelbagai feshen pakaian yang mencolok mata tetapi begitu digemari oleh golongan remaja.
- (ii) Motorsikal berkuasa tinggi menjadi gilaan pemuda-pemudi hari ini walaupun harganya terlalu mahal.
- (iii) Azman tidak sedar akan apa-apa yang dilakukan atas dirinya sehingga ayahnya memberitahukan pekara yang sebenarnya.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Karangannya itu menceritakan tentang kedaifan penduduk-penduduk yang mendiami di daerah pedalaman.
- (ii) “Baju Melayu yang saya selalu pakai itu adalah baju pemberian ayah pada hari jadi saya,” kata Sharif kepada rakannya.
- (iii) Pertempuran antara tentera Amerika dan tentera Iraq telah mengorbankan banyak nyawa.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam setiap ayat.*

- (i) Sungguhpun Bujal dihantar ke Pusat Serenti sebanyak tiga kali, namun dia tidak pernah mahu berubah. Segala nasihat yang diberikan tidak ubah seperti _____.
- (ii) Walaupun Datin Zakiah dilantik menjadi pengarah syarikat itu, namun kedudukannya belum selamat kerana dicabar oleh Datin Nora yang lebih berpengaruh. Kedudukan Datin Zakiah diibaratkan seperti _____.
- (iii) Selepas kematian suaminya sepuluh tahun yang lalu, Puan Aini menyara keluarga dengan menoreh getah. Dia tidak menganggap pekerjaan itu membebankan dirinya kerana _____.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut:

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
- (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
- (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
- (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
- (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Setiap watak utama dalam novel menghadapi pelbagai konflik. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan konflik yang berlaku antara watak utama dengan watak sampingan.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, bandingkan dua teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT